

Jangan takut kehilangan pemimpin – Najib
Utusan Online
15 Februari, 2013

BEAUFORT 14 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak mengingatkan rakyat supaya tidak takut kehilangan pemimpin kerana proses itu merupakan perkara biasa dalam dunia politik.

Sebaliknya, tegas beliau, masa hadapan rakyat dan negara bergantung sepenuhnya kepada kekuatan parti, malah beliau sendiri mengakui tidak mampu melakukan apa-apa kerja tanpa adanya sebuah parti yang kuat.

"Pemimpin boleh datang, pemimpin boleh pergi. Sejarah juga telah membuktikan bahawa selepas Pengasas UMNO, Onn Jaafar meletak jawatan, tetapi parti ini masih kekal dan berdiri tegap sehingga hari ini.

"Semua ini kerana perjuangan parti adalah lebih besar dan penting berbanding individu. Malah saya juga tidak boleh mendabik dada mengatakan saya penting dan begitu juga dengan pemimpin lain," katanya ketika berucap pada Majlis Bersama Rakyat Beaufort, di sini hari ini.

Yang hadir sama Ketua Menteri, Datuk Seri Musa Aman; Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dan dua Timbalan Ketua Menteri, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan dan Datuk Seri Yahya Hussin.

Tambah Najib, parti yang kuat akan dapat memastikan perjuangan membela nasib rakyat terus dilaksanakan kerana agenda parti adalah lebih unggul dan berkuasa.

"Rakyat perlu bijak memilih parti yang telah banyak berjasa dan menilai sumbangan yang telah dilakukan oleh kerajaan BN selama ini.

"Pembangkang hanya tahu menganjurkan Perhimpunan Bersih sehingga 3.0, tapi apa yang rakyat dapat?. Sebaliknya BN berjaya menambah baik sumbangan kepada rakyat menerusi BR1M 2.0 yang dilebarkan kepada golongan muda," katanya.

Artikel Penuh: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130215/dn_18/Jangan-takut-kehilangan-pemimpin---Najib#ixzz2NPJ7Bp2h

© Utusan Melayu (M) Bhd

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source: http://www.utusan.com.my/utusan/Dalam_Negeri/20130215/dn_01/Lahad-Datu-terkawal---PM